

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan status semakan semula seperti yang dipohon oleh Ahli Parlimen Kawasan Tanjong melalui surat bertarikh 5 Januari 2015 yang dialamatkan kepada Peguam Negara terhadap keputusan Tiada Tindakan Lanjut ke atas repot polis Jalan Patani 2262/11.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Repot Polis Jalan Patani 2262/11 berhubung dengan ugutan jenayah (*criminal intimidation*) mengikut peruntukan seksyen 506 Kanun Keseksaan telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara pada 14 Jun 2013. Setelah dikaji, pada 27 Jun 2013 Jabatan Peguam Negara memutuskan bahawa kes ini tidak diambil tindakan (*NFA*) kerana tiada bukti atau keterangan untuk mengaitkan suspek dengan kesalahan ugutan jenayah di bawah seksyen 506 Kanun Keseksaan atau kesalahan lain yang berkaitan.

2. Pada 2 Julai 2014 kes ini telah dirujuk semula kepada Peguam Negara untuk semakan keputusan. Peguam Negara sekali lagi telah memutuskan bahawa kes ini tidak diambil tindakan kerana tiada bukti atau keterangan untuk mengaitkan suspek dengan kesalahan ugutan jenayah di bawah seksyen 506 Kanun Keseksaan atau kesalahan lain yang berkaitan.

3. Oleh sebab kes ini telah dikaji sebanyak dua kali, Jabatan Peguam Negara berpandangan tiada keperluan untuk kes ini disemak semula kecuali jika terdapat apa-apa keterangan baharu berhubung dengan kes ini.

Sekian, terima kasih.